

# Kerjasama politik uji kematangan, kecekapan Kerajaan Perpaduan

- Parti komponen Kerajaan Perpaduan perlu saling menerima dan bertukar pandangan bagi mengelak atau mengurangkan konflik dalam kerjasama

- Parti membentuk kerjasama dalam Kerajaan Perpaduan perlu bersetuju untuk tidak bersetuju dalam beberapa perkara tidak menyentuh ideologi, dasar perjuangan

Oleh Dr Nur Ayuni Mohd Isa  
bhrencana@bh.com.my

**Selepas** berakhirnya Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Padang Serai dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tioman, maka lengkaplah semua keputusan bagi 222 kerusi parlimen dan 117 kerusi DUN di Perlis, Pahang dan Perak.

Pilihan raya di DUN Pulau Tioman dan Parlimen Padang Serai juga isyarat mengenai kemahuan rakyat terhadap pimpinan pemerintah hari ini.

Uniknya, pasca-PRU15, kerajaan memerintah hari ini adalah Kerajaan Perpaduan menggabungkan kombinasi Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dan parti kecil lain berserta Bebas.

PRK DUN Tioman dan Parlimen Padang Serai juga menjadi ujian kerjasama pertama antara PH dan BN selepas kedua-duanya kini bersama membentuk Kerajaan Perpaduan.

Namun kerjasama ini terbentuk selepas penamaan calon dan sedikit sebanyak menyebabkan kekeliruan dalam kalangan pengundi serta penyokong kedua-dua parti.

PH dan BN membuat persetujuan kontra dengan memberi laluan PRK Tioman kepada calon BN dan Parlimen Serai pula kepada PH.

Tetapi kertas undi tidak berubah di mana masih terdapat senarai nama calon dari BN dan PH pada dua PRK ini. Perkara ini sebenarnya menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengundi apabila kedua-dua parti menggunakan istilah 'memberi laluan'.

Ia memberi bayangan kepada pengundi, adakah mereka perlu mengundi BN dan tidak perlu mengundi calon PH di DUN Tioman dan mengundi calon PH di Padang Serai dan bukannya calon BN.

Kekeliruan ini dilihat memberi kelebihan kepada parti Perikatan Nasional (PN) seperti berlaku di Parlimen Padang Serai dan hampir merampas DUN Tioman.

Berdasarkan keputusan dua PRK ini, terdapat beberapa persoalan boleh dikenal pasti iaitu;

- Kerjasama PH dan BN pada peringkat Persekutuan serta negeri nampak agak teratur, namun pada peringkat pengundi masih samar dan keliru serta tidak memberangsangkan walaupun PH dan BN keduanya kini dalam satu kerajaan.

- Data menunjukkan penyokong BN masih mengundi calon BN di Padang Serai dan penyokong PH masih mengundi calon PH di DUN Tioman.

Berdasarkan dua petunjuk ini, kerjasama politik

di antara PH dan BN mungkin tidak akan dapat bertahan lama sekiranya perbezaan dasar dan ideologi parti tidak diurus dengan baik.

## Kerjasama PH, BN demi kekalkan kuasa

Pada asasnya, pembentukan kerajaan campuran antara PH dan BN ini mengejutkan rakyat dan pengundi. Buat pertama kalinya BN menjalinkan kerjasama dengan PH yang selama ini menjadi musuh politiknya.

Namun dalam politik, apa sahaja boleh berlaku dan tiada yang mustahil. Memang tidak dapat disangkal, kerjasama parti ini adalah untuk mendapat kuasa atau mengekalkan kuasa atau serta menjaga kepentingan partinya.

Kerjasama politik bagi membentuk kerajaan adalah pemboleh ubah paling penting kerana ia adalah pemangkin utama parti politik menyertai dan membentuk kerjasama.

Parti komponen yang bekerjasama pula perlu saling menerima dan bertukar pandangan serta mempunyai asas kepercayaan sama. Hal ini dapat mengelakkan atau berkurangnya konflik.

Parti komponen dalam Kerajaan Perpaduan perlu mengiktiraf dan menghormati pihak lain serta perlu bersedia memperkukuhkan kuasa menerusi pengembangan idea serta tidak mempolitikkan sesuatu isu yang boleh menimbulkan konflik.

Paling penting, setiap parti perlu saling menghormati dasar dan prinsip serta membenarkan setiap parti mempertahankan kepentingan dasar utama mereka termasuk berkompromi dalam sesuatu isu membabitkan dasar perjuangan.

“Pelantikan Jemaah Menteri dan timbalan menteri yang disempurnakan pada Jumaat lalu menjadi petanda awal parti membentuk Kerajaan Perpaduan mampu berkompromi dan berunding membentuk Kabinet”

Walaupun pembentukan kerjasama politik dalam kerajaan campuran ini terdiri daripada pelbagai latar belakang parti dan perbezaan dasar dan ideologi parti.

Pelantikan Jemaah Menteri dan timbalan menteri yang disempurnakan pada Jumaat lalu menjadi petanda awal parti membentuk Kerajaan Perpaduan mampu berkompromi dan berunding membentuk Kabinet.

Ia menunjukkan dinamika parti politik yang pelbagai mampu menguruskan pembahagian kuasa dan jawatan untuk dikongsi dengan parti lain bagi merealisasikan kestabilan politik negara.

Hubungan antara pemimpin PH dan BN juga mampu mempengaruhi kerjasama politik dan Kerajaan Perpaduan, terutama di antara Pengerusi PH, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Pengerusi BN, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Setakat hari ini, parti yang membentuk kerjasama dalam Kerajaan Perpaduan ini perlu bersetuju untuk tidak bersetuju dalam beberapa perkara tidak menyentuh ideologi dan dasar perjuangan.

Komunikasi yang baik perlu dicapai menerusi perundingan sebelum sesuatu kerjasama dipersejutui.

Ketika perbincangan dan pertemuan yang dibuat, nilai persahabatan, sikap yang terbuka, membantu dan tidak menghalang kepada proses perbincangan dan perlu jelas sebelum sesuatu kerjasama dipersejutui.

Beberapa peraturan dibuat parti yang bekerjasama ini mesti dipersejutui semua pihak. Semua ciri ini dapat dilihat dan dikaji parti politik membentuk kerjasama.

Maka, selepas mandat diberikan, sudah tiba masa Kabinet lengkap Kerajaan Perpaduan perlu melaksanakan tugas sebaik mungkin.

Tempoh 100 hari pertama adalah waktu paling kritikal bagi Kabinet pimpinan Anwar menjadi kerajaan disokong rakyat kerana mereka sedang diperhatikan dan diselia rakyat dari segi pencapaian serta bagaimana hendak menunaikan janji dibuat berdasarkan manifesto ditawarkan parti.

Rakyat juga akan menterjemahkan penilaian mereka melalui pilihan raya DUN akan datang di Terengganu, Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Selangor.

Pembentukan Kerajaan Perpaduan ini akan menjadi ujian adakah politik Malaysia akan menjadi lebih matang dan terkehadapan, mungkinkah rakyat semakin celik dan cakna politik serta mam-pukah kerajaan beroperasi lebih cekap, amanah dan kurang berpolitik dalam bekerja.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Pensyarah Kanan,  
Jabatan Pengajian  
Kenegaraan dan  
Ketamadunan, Fakulti  
Ekologi Manusia,  
Universiti Putra  
Malaysia (UPM)